

Usah manipulasi sejarah

um -13/5/2007

Oleh KU SEMAN KU HUSSAIN

TRAGEDI rusuhan kaum, 13 Mei bukan isu baru malah sebahagian besar daripada rakyat berbilang kaum negara ini menganggap tragedi itu sebagai satu sejarah. Malah tidak ada fakta yang disembunyikan daripada tragedi yang berlaku pada 13 Mei 1969 itu.

Semuanya dibentangkan kepada rakyat. Hasilnya banyak pihak telah mengambil iktibar serta belajar untuk menguruskan emosi apabila sampai kepada isu yang menyentuh kaum lain.

Rusuhan kaum 13 Mei berlaku pada pagi 13 Mei 1969 di beberapa lokasi di Kuala Lumpur yang melibatkan orang Melayu dengan Cina. Berikutan rusuhan yang mengorbankan 196 orang, kerajaan mengisytiharkan darurat sehingga 1971.

Menurut statistik, selain 196 orang terkorban dan 149 orang cedera parah, 753 kes kediaman dan kedai dibakar dan 211 kenderaan dimusnahkan. Ini mengakibatkan 6,000 orang yang 90 peratus orang Cina kehilangan tempat tinggal.

Jadi sejarah yang tercatat pada 13 Mei 1969 tidak ada fakta-fakta "hantu" yang disembunyikan. Semua pihak mengakui tragedi itu meletus apabila ada pihak yang membangkitkan isu orang-orang Melayu secara melampau sekali gus menghina mereka.

Hari ini secara kebetulan 13 Mei 2007. Tarikh ini tidak ada kena-mengena dengan tulisan ini, jauh sekali sebagai "merayakan" ulang tahun satu peristiwa berdarah yang melukakan hati semua kaum. Tetapi tulisan ini sekadar peringatan bahawa kini ada pihak yang cuba mengubah fakta sejarah dan "membentangkan" fakta baru yang ada tujuan politik.

Pembentangan fakta "tulen" ini tentu saja bertujuan memadamkan penglibatan parti politik Cina yang turut membakar kemarahan orang Melayu.

Apa muslihatnya pihak berkenaan be-



SENTIMEN kaum perlu ditangani dengan bijaksana.

gitu bersungguh-sungguh mahu membetulkan fakta 13 Mei sedangkan semua orang sudah menerima fakta rasminya hampir empat dekad lalu? Kita mesti berhati-hati dengan pihak yang cuba menyalakan semula api perkauman untuk kepentingan tertentu.

Apakah yang penting sangat dengan fakta 13 Mei? Kerajaan telah mengeluarkan satu laporan rasmi mengenai kejadian itu tetapi kini ada pihak yang membuat teori konspirasi sekali gus menafikan fakta sejarah. Adakah negara ini akan mundur kalau fakta yang didakwa "palsu" itu tidak dibetulkan?

Dengan berselindung di sebalik lesen

akademik dan cuba memisahkan hubungan dengan sebuah parti politik, Tragedi 13 Mei dilihat daripada perspektif teori konspirasi. Semua orang boleh membuat teori konspirasi dan tentunya sangat tidak bertanggungjawab apabila kesannya boleh memudaratkan keharmonian kaum di negara ini.

Ketika generasi muda pelbagai kaum sudah tidak ada sentimen terhadap rusuhan kaum itu, teori konspirasi ini boleh mengelirukan sekali gus menjejaskan hubungan kaum. Teori konspirasi ini cuba menafikan provokasi parti-parti politik yang didominasi oleh Cina selepas pilihan raya 1969.

Sebenarnya tragedi itu telah banyak mematangkan rakyat, tidak kira sama ada Melayu atau Cina supaya berhati-hati membangkitkan isu yang menyentuh kaum.

Sebaliknya teori itu mendakwa rusuhan itu dicituskan sendiri oleh orang Melayu untuk menjatuhkan Perdana Menteri Almarhum Tunku Abdul Rahman. Malah lebih tidak bertanggungjawab lagi apabila mendakwa Menteri Besar Selangor, Allahyarham Datuk Harun Idris ikut terlibat apabila penyokong-penyokong UMNO berhimpun di pekarangan rumahnya ketika rusuhan.

Pada masa yang sama teori ini menafikan tindakan melampau parti politik Cina memprovokasi orang Melayu.

Peralihan kepimpinan Tunku Abdul Rahman kepada timbalannya Tun Abdul Razak dan lahirnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) bukan satu konspirasi.

Dalam bukunya, 13 Mei: *Sa-Belum dan Sa-Lepas* (1969), Tunku menulis, "Saya tidak dapat tidur pada malam itu kerana mengenangkan kejadian sedih yang telah menimpa ibu kota dan negara yang aman ini. Saya merasa gelisah dan berjalan serta menghabiskan masa di atas tikar sembahyang untuk berdoa kepada Allah."

Bersedia

Dalam buku itu juga Tunku menulis, "Saya telah memimpin Tun Razak untuk bersedia menerima jawatan yang berat itu dan langkah saya ini bukan satu rahsia lagi."

Buku yang menghantar suara hati seorang Perdana Menteri ketika berlaku Tragedi 13 Mei patut ditengok dan dihayati semula. Ini kerana selepas kita semakin aman, ada tangan-tangan hantu yang tidak bertanggungjawab untuk membuat honar. Dalam buku 13 Mei: *Sa-Belum dan Sa-Lepas* kita mendapat gambaran bahawa tragedi itu berlaku kerana kita ambil mudah sentimen yang menyentuh kaum.

Sebenarnya tragedi itu telah banyak mematangkan rakyat, tidak kira sama ada Melayu atau Cina supaya berhati-hati membangkitkan isu yang menyentuh kaum. Tidak kira siapa, apabila ada orang memperlecehkan kaumnya, tentu saja ada yang sanggup melakukan apa saja demi maruahnyanya.

Lalu tujuan pihak yang mendakwa mahu membetulkan fakta sejarah ini sebenarnya sangat mencurigakan. Malah dibimbangi boleh membangkitkan kemarahan kalangan orang Melayu apabila menuduh tragedi ini agenda UMNO dan pasukan polis.

Maka kita yang tahu muslihat pihak yang honar ini wajar berhati-hati supaya tolak tarik dan masam-masam manis hubungan antara kaum di negara ini tidak mencetuskan ketegangan. Jangan biarkan cara berpolitik begini memusnahkan kepercayaan dan toleransi antara kaum.

Tunku pun ada mengingatkan, "Jangan mengulangi 13 Mei dan ia bukan cerita hantu untuk diceritakan kepada anak-anak kita supaya mereka tidak nakal." Maksudnya semua pihak perlu realistik bahawa sentimen kaum ibarat bom jangka yang boleh meletup bila-bila masa apabila disentuh.